

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 JUNE 2016

## Najib hadiri Wild Digital 2016

**KUALA LUMPUR 9 Jun** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini memaparkan sisi santainya apabila beliau bercakap mengenai, antara lain, muzik pilihannya sebelum membicarakan perkara lebih serius seperti insiden pesawat MH17 ditembak jatuh dan hal berkaitan teknologi digital.

Semua ini terserlah apabila beliau membuat kejutan dengan hadir pada satu daripada sesi pada Persidangan Wild Digital 2016 di sini.

Pada permulaan sesi, pengasas bersama dan ketua pegawai eksekutif Catcha Group, Patrick Grove yang bertindak sebagai moderator, menyerahkan jaket hoodie warna kelabu kepada Najib.

Najib secara spontan membuka blazer hitam yang dipakainya

dan mengenakan jaket yang tertera perkataan '#DaBoss' di belakangnya untuk sesi interaktif.

Menjawab soalan tentang muzik dalam talian, Perdana Menteri memberitahu audien bahawa beliau peminat lagu-lagu rancak Motown dan juga meminati lagu-lagu Lionel Richie dan Bruno Mars.

Kepada soalan lain, Najib berkata, beliau sendiri mengendalikan akaun Twitter beliau di samping mempunyai satu pasukan yang akan tweet untuk beliau semasa beliau sibuk.

Pada sesi itu, beberapa gambar yang dimuat naik dalam talian oleh Najib, termasuk gambar selfie beliau bersama-sama Presiden Amerika Syarikat Barack Obama dalam kereta rasmi presiden dikenali *the Beast*, turut dipaparkan pada skrin besar di situ.

